

Najib gesa henti spekulasi tahap keselamatan Negara
Malaysian Insider
Jan 18, 2016

Datuk Seri Najib Razak meminta rakyat tidak membuat sebarang spekulasi atau menyebarkan maklumat tidak sahih yang boleh mencetus kebimbangan umum berhubung tahap keselamatan negara.

Perdana menteri berkata agensi keselamatan negara diarah meningkatkan lagi usaha menangani kemungkinan ancaman keganasan di negara ini susulan serangan pengganas di beberapa bandar besar dunia.

Katanya, kerajaan bersetuju mengambil langkah tertentu menghalang dan mematahkan sebarang usaha pengganas mengganggu gugat keamanan dan keharmonian negara ini.

"Ini termasuk keputusan kerajaan untuk memperkenalkan Akta Majlis Keselamatan Negara (MKN) 2015 yang akan membolehkan kerajaan bertindak dengan lebih berkesan dalam menangani keganasan di negara ini," katanya dalam kenyataan hari ini.

Katanya MKN, yang dipengeruskannya, memandang amat serius ancaman daripada pengganas yang bersifat keagamaan melampau.

Najib berkata beliau akan mempengerusikan mesyuarat MKN esok membincangkan segala langkah keselamatan yang diambil serta perkembangan terkini termasuk kejadian keganasan di Jakarta minggu lepas.

"Saya yakin dan percaya setiap rakyat yang cintakan keamanan dan keharmonian akan bersama-sama dalam semua usaha kerajaan menentang ancaman keganasan.

"Kita mesti bersatu padu dalam menangani ancaman pengganas ini," katanya.

Lapan orang, 4 pengganas dan 4 orang awam, disahkan terkorban dalam insiden serangan keganasan di Jakarta, Khamis lepas.

Susulan insiden itu, Ketua Polis Negara, Tan Sri Khalid Abu Bakar berkata polis meningkatkan amaran keselamatan negara ke tahap paling tinggi bagi mengelak insiden seumpama itu berlaku di Malaysia. – Bernama, 18 Januari, 2016.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-gesa-henti-spekulasi-tahap-keselamatan-negara>